

Tiga kaedah pertingkat BR1M

SHAHALAM-Keberkesanan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dapat dipertingkatkan dengan cara mengubah mekanisme pemberiannya, kata Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Yusof Saari.

Justeru, beliau menyarankan tiga kaedah yang boleh digunakan bagi memastikan keberkesanan program BR1M agar setiap ringgit diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

“Pertama, dana pemberian BR1M digantikan de-

ngan pemberian subsidi kepada pihak pengeluar ke atas barangan keperluan utama.

“Kedua, sistem pemberian BR1M sekarang ini bersifat tidak bersyarat dan boleh dipertimbang dijadikan sistem bersyarat, dan ketiga sistem pemberian BR1M dalam bentuk tunai diganti dengan pemberian dalam bentuk barangan keperluan makanan,” katanya.

Beliau berkata, dalam persekitaran ekonomi semasa tidak menentu, ditambah pula peningkatan ketara kos sara hidup, BR1M dilihat memainkan

peranan penting dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin.

“Jika keberkesanan BR1M diukur berdasarkan peningkatan dalam jumlah pendapatan isi rumah semata-mata, maka pengukuran ini adalah kurang tepat.

“Sudah pasti jurang tingkat pendapatan dan kadar kemiskinan dapat dikurangkan dengan banyak kerana telah berlaku peningkatan pendapatan akibat bayaran pindahahan yang diterima daripada program BR1M,” katanya.